

TERNOLOL FILM COATED TABLET

Atenolol (50 mg, 100 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Ternolol
2. Bagaimana Ternolol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ternolol
4. Cara menggunakan Ternolol
5. Semasa menggunakan Ternolol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ternolol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ternolol

Ubat ini mengandungi bahan aktif *Atenolol*.

Ia digunakan untuk merawat:

- *hypertension* (tekanan darah tinggi)
- *angina pectoris* (sakit atau ketidakselesaan dada)
- *acute myocardial infarction* (serangan jantung)
- *cardiac arrhythmias* (rentak jantung tidak teratur).

Bagaimana Ternolol berfungsi

Atenolol tergolong dalam keluarga ubat-ubatan yang dikenali sebagai *beta blockers*.

Ia berfungsi dengan memperlambatkan atau mengurangkan keperluan jantung untuk darah dan oksigen. Ini akan mengurangkan beban kerja untuk jantung.

Sebelum menggunakan Ternolol

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah pada *atenolol* atau mana-mana bahan ramuan yang lain .
- anda mempunyai *cardiogenic shock* (kegagalan pam jantung untuk berfungsi).
- anda mempunyai sekatan jantung (kegagalan pengaliran impuls dalam jantung)

- anda mempunyai *overt cardiac failure* (kegagalan jantung)
- anda mempunyai *sinus bradycardia* (degupan jantung yang biasa tetapi dengan degupan yang lambat) atau penyakit salur pernafasan terhalang yang berbalik

- *Sebelum mula mengambil*

Beritahu doktor jika:

- anda mempunyai kegagalan jantung kongestif
- anda mempunyai rizab jantung yang lemah (keupayaan jantung anda bekerja dalam keadaan yang tertekan)
- anda mempunyai masalah kekurangan fungsi ginjal dan hati

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau diperolehi tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat mengganggu Ternolol. Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil:

- *Clonidine* (diguna untuk merawat ADHD (*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*))
- *Reserpine* (diguna untuk kawalan tekanan darah tinggi)
- *Phenylephrine* (diguna sebagai *decongestant*)

Interaksi lain yang tidak dinyatakan mungkin boleh berlaku. Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

Cara menggunakan Ternolol

- *Berapa banyak harus digunakan*

Dewasa

Rawatan untuk Angina

Satu tablet 50 mg sekali sehari, atau dos boleh meningkat kepada 100 mg sehari.

Rawatan untuk Tekanan Darah Tinggi

25 mg hingga 50 mg sekali sehari, atau dos boleh meningkat kepada 50 mg hingga 100 mg sehari.

Pengurusan akut infarksi miokardium (serangan jantung)

Satu tablet 50 mg 10 minit selepas *intravenous dose*, diikuti oleh satu lagi 50 mg 12 jam kemudian.

Anda mungkin diberi dos 100 mg sekali sehari atau 50 mg dua kali sehari selama 6-9 hari atau sehingga anda keluar dari hospital.

Rawatan untuk pesakit yang mempunyai masalah fungsi ginjal berkurangan

- Dos anda mungkin dikurangkan.

Menelan tablet dengan segelas air.

- *Bila perlu digunakan*

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari untuk mendapatkan kesan yang terbaik.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Anda dinasihatkan untuk terus mengambil ubat ini selagi ia diberikan kepada anda oleh doktor anda

- *Jika terlupa menggunakan*

Jangan ambil dos berganda bagi mengganti dos yang terlupa.

Jika anda terlupa untuk mengambil dos anda, langkau (skip) dos yang tertinggal. Ambil dos yang seterusnya seperti biasa.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada

sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan Ternolol berlebihan boleh menyebabkan anda berasa pening, koma, halusinasi, dan mempunyai denyutan jantung yang cepat atau tidak teratur.

Semasa menggunakan Ternolol

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda secepat yang mungkin jika:

- anda hamil.
- anda akan mula mengambil apa-apa ubat terbaharu.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama seperti anda

Jangan ambil ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali anda telah dinasihatkan oleh doktor atau pegawai farmasi

Jangan berhenti mengambil ubat atau menukar dos anda sendiri sebelum anda bertanya pada doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Memandu dan menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini. Kesan sampingan boleh menjadi serius tetapi kebiasaannya ia adalah ringan dan untuk tempoh sementara sahaja.

Beritahu doktor secepat mungkin jika anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti yang berikut ketika pengambilan ubat ini.

Kesan sampingan yang umum:

- Sakit kepala
- Kelesuan dan keletihan

- Pening
- Loya
- Mulut kering
- Reaksi alahan
- Cirit-birit
- Edema

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor anda dengan cepat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers→Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan Ternolol

- Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah 25 °C. Jauhkan dari cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Tiada arahan yang ditetapkan. Sila rujuk pegawai farmasi untuk mengetahui cara pelupusan ubat yang tidak digunakan dengan betul.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Bular, tablet jingga bersalut, pinggir serong, dan dengan protrusi berbentuk hati.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Ternolol 50 film coated tablet
mengandungi 50 mg Atenolol

Ternolol 100 film coated tablet
mengandungi 100 mg Atenolol

- Bahan Tidak Aktif

Hydroxypropyl methylcellulose
Stearic acid
Sodium lauryl sulphate
Sunset yellow lake

Titanium dioxide
Microcrystalline cellulose
Pregelatinised starch
Propylene glycol
Isopropyl alcohol
Magnesium stearate
Lactose
Talc
Crospovidone

- Nombor MAL

Ternolol 50 film coated tablet
MAL19940057A

Ternolol 100 film coated tablet
MAL19940058A

Pengilang

HOVID Berhad
Lot 56442, 7¹/₂ Miles,
Jalan Ipoh / Chemor,
31200 Chemor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,
30010 Ipoh, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

25/03/2014